

EDISI
2018

BULETIN

PERINTIS

MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET
KERETAPI NEGARA



MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN YANG JUGA PENERUSI LEMBAGA PENGARAH RAC

KAJANG, 30 Januari - Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang juga ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Y.Bhg Datuk Seri Hj Saripuddin Bin Hj Kasim mahu tahun 2018 menjadi fokus kepada RAC untuk melaksanakan Railway Network Access Agreement (RNAA) selaras dengan dasar Multiple Railway Operator (MRO) yang dibuat kerajaan.

Beliau berkata, pelaksanaan MRO bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan aset dan infrastruktur keretapi yang dibiayai kerajaan memandangkan pada masa ini hanya 30 peratus sahaja aset dan infrastruktur ini digunakan oleh operator tunggal iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Katanya lagi pelaksanaan RNAA penting bagi membolehkan operator lain turut menggunakan aset dan infrastruktur kereta api yang disediakan kerajaan

'Dasar Ini diperkenalkan memandangkan situasi semasa di mana kos yang tinggi telah dibelanjakan kerajaan untuk mewujudkan jaringan pengangkutan rel yang baik, cepat dan selamat, namun penggunaannya belum sampai di tahap maksimum,' katanya dalam ucapan pada Majlis Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC yang diadakan di sini.

Sebarang urusan rasmi Perbadanan ini hendaklah dirujuk ke alamat berikut :
Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

No, 29G, Blok B, Jalan TKS1, Kajang Sentral Business Park, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehasan.

TEL: 03-8733 2020 FAX: 03-8733 2222 / 03-8733 6018



Selain MRO, fokus juga harus diberikan kepada tiga aspek penting yang lain iaitu melaksanakan penyelenggaraan aset dan infra melalui penubuhan anak syarikat, *monetize the assets* dan menstruktur semula serta meningkatkan modal insan di RAC. Beliau berkata, selaku *assets-co* dan *infra-co*, RAC seharusnya menjadi entiti yang berorientasikan perniagaan supaya aset yang dimiliki dapat menjana sumber kewangan bagi membolehkan RAC melaksanakan peranan dan fungsinya. Sehubungan itu, RAC katanya harus cekap, cepat dan efisien dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan.

"Bagi mendepani semua cabaran ini, perkara utama yang perlu diubah adalah *mindset*. Itu adalah syarat utama untuk kita menjayakan fungsi dan peranan kita untuk menjadi *assets-co* dan *infra-co*. Karenah birokrasi yang biasanya wujud di jabatan-jabatan Kerajaan seharusnya dikurangkan





“RAC sejak tahun 2015 tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan untuk menjalankan operasinya. Oleh itu, pemikiran sebagai seorang *business man* penting bukan sahaja dalam diri setiap warga kerjanya, malah sikap, budaya dan amalan bekerja juga perlu dalam memastikan RAC terus stabil,” katanya

Bagi mengubah *mindset* ini, RAC katanya perlu mewujudkan budaya kerja yang baharu dengan menetapkan Key Performance Indicator (KPI) pada aras yang tinggi dan berusaha dengan gigih untuk merealisasikannya. Budaya kerja baharu ini sekaligus akan membawa RAC ke satu dimensi baharu yang akan memajukan RAC.


Menyentuh mengenai peningkatan kapasiti modal insan, beliau berkata untuk menjadi sebuah *assets-co* dan *infra-co* yang efisien, RAC perlu dilengkapi dengan pekerja-pekerja teknikal yang mahir terutama yang berkaitan dengan operasi keretapi.

Bukan itu sahaja, RAC perlu menggunakan kepakaran dan pengalaman Ahli-Ahli Lembaga Pengarahnya untuk membantu RAC berada di landasan yang sepatutnya.

Turut hadir barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC yang lain iaitu YBr. Puan Christina Anak Dominic Cotter, YBhg. Dato Teh Kean Ming, YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli

Dalam ucapannya, beliau turut mengalu-alukan pelantikan dua Ahli Lembaga Pengarah RAC baharu iaitu YBhg. Dato' Adam bin Sulong yang juga Pengarah Seksyen Bajet Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli.



A portrait of En Azhar Ahmad, a middle-aged man with short dark hair and glasses, wearing a dark suit, white shirt, and blue tie. He is holding a brochure or magazine in his left hand. A name tag on his lapel reads "AZHAR". The background is a blurred image of a train station or railway infrastructure.

AZHAR AHMAD TERAJUI PERBADANAN ASET KERETAPI

KAJANG, 19 Ogos – En Azhar Ahmad telah dilantik menerajui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mulai 19 Ogos 2018 bagi menggantikan Dr Kang Tong Hum yang tamat perkhidmatan di Perbadanan ini pada 31 Julai 2018.

Dalam pada itu, satu majlis perpisahan bersama Dr Kang pada 2 Ogos 2018 yang dihadiri oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan RAC .

SELAMAT DATANG EN AZHAR

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS DIANTARA DR KANG TONG HUM KEPADA EN AZHAR BIN AHMAD



MAJLIS SANJUNGAN BUDI MANTAN PENGURUS BESAR RAC DR KANG TONG HUM



LAWATAN KERJA MENTERI PENGANGKUTAN YANG BAHARU YB LOKE SIEW FOOK KE RAC



Jurutera, Pn Tan Lai kum memberi penjelasan kepada Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook berkenaan projek pembinaan Stesen Kajang 2

KAJANG, 25 JUN – Menteri Pengangkutan yang baharu, YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja ke Perbadanan Aset Keretapi (RAC) hari ini bersempena dengan siri lawatan beliau ke jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan.

Dalam lawatan tersebut, beliau telah diberi taklimat mengenai fungsi dan peranan RAC sebagai pemilik dan pengurus aset keretapi di negara ini, termasuk projek-projek pembangunan tanah keretapi yang sedang diusahakan oleh Perbadanan ini.

Rentetan daripada itu dalam sidang medianya, Loke berkata beliau mendapati kerajaan terdahulu telah memberi kelulusan secara berprinsip kepada pemaju-pemaju swasta untuk membangunkan tiga bidang tanah milik RAC yang terletak di Pudu, Batu Tiga dan Bangsar.

Katanya, segala kelulusan untuk memajukan tanah-tanah tersebut diberikan hasil rundingan secara terus dan bukannya menerusi tender terbuka.

Namun projek tersebut belum ada sebarang perjanjian dengan mana-mana pihak pemaju swasta maka kelulusan itu akan dikaji balik dan semua pembangunan tanah mesti dibuat melalui tender terbuka.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, Datuk Seri Haji Saripuddin Hj Kasim dan Ketua Pegawai Eksekutif Keretapi Tanah Melayu Berhad, En Mohd Rani Hisham Samsudin, selaku pihak operator.

PROJEK PARK WAY DROP ZONE STESEN KOMUTER SERDANG DAN BATU TIGA SIAP

PDZ Serdang yang telah siap dibina



Jabatan Kerja Raya telah menyerahkan dua projek Park Way Drop Zone yang telah selesai pembinaanya kepada Perbadanan Aset Keretapi selaku pemilik aset.

Kemudahan PDZ di kedua-dua stesen yang diintegrasikan dengan stesen komuter sedia ada dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur asas yang ada di stesen tersebut bagi memastikan pengguna keretapi be

selesa dan selamat. Selain itu, aspek pengindahan taman juga dibuat bagi memberi wajah baharu kepada stesen ini yang mana merupakan antara stesen yang mempunyai bilangan penumpang paling ramai.

Pembinaan kemudahan ini adalah sejajar dengan matlamat satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area* – NKRA) iaitu Menambah Baik Pengangkutan Awam Dalam Jangka Masa Sederhana (*Urban Public Transport* – UPT) ataupun dikenali sebagai NKRA-UPT.

Melalui NKRA ini, *Parkway Dropzone Facilities* telah dikenalpasti sebagai satu inisiatif yang boleh digunakan bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan rel. Di bawah inisiatif ini tiga buah stesen telah dipilih iaitu Stesen Komuter Batu Tiga, Stesen Komuter Serdang dan Stesen Komuter Dato Harun.

Pelaksanaan *Park Way Drop Zone* (PDZ) di Stesen Komuter Serdang dan Batu Tiga dibuat bagi menyelesaikan kesesakan lalu lintas di hadapan stesen terutama menjelang waktu puncak. Keadaan ini disebabkan ruang tanah yang sempit dan terhad dan ditambah pula dengan tempat letak kereta yang tidak mencukupi. Selain itu, kemudahan asas yang disediakan juga tidak mesra OKU dan keadaan ini menyukarkan golongan berkenaan menaiki kereta api.



PDZ dibina dengan kos sebanyak RM11.8 juta manakala PDZ Batu Tiga dibina dengan kos sebanyak RM10.7 juta.



RAC DAN ASPAC LUBRICANTS MALAYSIA TANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN BAGI NAIK TARAF LOJI PENGELUARAN DAN PENYIMPANAN MINYAK PELINCIR

PUTRAJAYA, 28 Ogos - Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd telah menandatangani Perjanjian Pajakan sebahagian tanah rizab keretapi di atas Lot 197 di Bandar Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan bagi menaiktaraf loji pengeluaran dan penyimpanan minyak pelincir sedia ada dengan teknologi moden dan terkini. Pajakan tanah tersebut merangkumi kawasan seluas 49,704.03 meter persegi.

Ditubuhkan pada tahun 1969, AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd merupakan satu daripada cabang operasi BP Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran pelbagai gred minyak pelincir jenama Castrol dan BP. Operasi syarikat ini kini menggaji lebih daripada 300 pekerja dan kontraktor.

Majlis menandatangani perjanjian pajakan telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Puan Yang Terutama Vicki Treadell, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim dan Pengerusi InvestKL Datuk Seri Michael Yam. RAC diwakili oleh Pengurus Besar Perbadanan itu iaitu En. Azhar Bin Ahmad manakala En. Ainol Roznain Yaacob, Ketua BP Malaysia mewakili AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd.

Perjanjian pajakan selama 30 tahun ini akan membolehkan AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd mengembangkan pelan-pelan untuk menaiktaraf loji tersebut dengan teknologi moden dan baharu melalui pelaburan awal yang dianggarkan berjumlah RM60 juta.

Loji pengeluaran dan penyimpanan minyak pelincir ini yang dinamakan sebagai Port Klang Installation (PKI) kini mampu mengeluarkan sejumlah 120 juta liter produk pelincir setiap tahun. Dijangkakan loji ini mampu meningkatkan pengeluaran tambahan sebanyak 30 juta liter setahun selepas menaiktaraf loji ini siap kelak.

Aktiviti pajakan ini merupakan satu daripada core business yang dijalankan oleh RAC bagi memastikan hartanah milik RAC dapat menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan selaras dengan fungsi Perbadanan ini di bawah Seksyen 89, Akta Keretapi 1991. Dengan temeterainya perjanjian ini, membuktikan bahawa tanah-tanah keretapi berpotensi untuk diurusniagakan dan hasil daripada daripada aktiviti ini dapat digunakan bagi tujuan peningkatan kemudahan infrastruktur dan menaiktaraf stesen keretapi. Perjanjian ini juga membuktikan bahawa tanah-tanah keretapi berada di lokasi yang strategik dan mampu menarik minat pihak swasta untuk dibangunkan.

Surat tawaran pajakan telah dikemukakan kepada pihak AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd pada 31 Julai 2018 dan pihak AsPac telah mengembalikan Surat Setuju Terima pada 2 Ogos 2018.

RAC telah menerima permohonan pajakan ke atas tanah tersebut daripada AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd pada 1 Julai 2014. AsPac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd merupakan pemajak dan penyewa tanah KTMB/ RAC sejak tahun 1990.





PENYERAHAN PROJEK KUARTERS DI KUALA KRAI

KUALA KRAI, 18 Januari – Sebanyak sembilan (9) unit kuarters milik RAC yang musnah dan rosak teruk akibat bencana banjir besar di Kelantan pada 2014 telah dibina semula.

Kuarters tersebut yang diduduki oleh kakitangan (KTMB) mula dibina pada 23 Januari 2017 dan siap sepenuhnya pada 24 September 2017. Selain pem-

binaan kuarters kerja-kerja baik pulih Stesen Keretapi Kuala Krai, Pejabat Pengurus Wilayah Timur, Pejabat Signaling dan Komunikasi, depoh dan beberapa bangunan yang terjejas akibat bencana tersebut turut dibuat.

Berkonsepskan moden dan mesra alam, senibina kuarters ini yang dibina tinggi menerapkan konsep mengurangkan risiko banjir.

Projek ini telah dilaksanakan Agensi Pelaksana Bahagian Darat, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Kaedah pelaksanaan projek ini adalah secara Reka dan Bina.

Majlis Penyerahan Kuarters Baharu Kuala Krai telah diadakan pada 18 Januari 2018 yang telah disempurnakan oleh Pengurus Program merangkap Pengarah CKIP YBhg. Dato' Ir.Hj Hamizan Bin Mohd Inzan. Turut hadir YBrs Ir. Mohamed Amin Bin Kasim selaku pegawai penguasa daripada CKIP, En. Al Hafiz Ikhwan Bin Mohamad Asaad arkitek daripada RAC, wakil daripada Kementerian Pengangkutan dan wakil daripada kontraktor iaitu Kerisik Resources Sdn Bhd.



EKSA DI RAC

KAJANG, 12 Januari 2018 – RAC tidak ketinggalan dalam melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) selaras dengan inisiatif yang dicetuskan oleh Unit Permdenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dalam menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S.

EKSA diperkenalkan selaras dengan usaha Kerajaan memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai.

Jesteru itu, sempena Majlis Amanat Tahun Baru 2018 dan Perhimpunan Bulanan Januari 2018, RAC telah melancarkan logo EKSA hasil cetusan ilham daripada En Al Hafiz Ikhwan Bin Mohamad Asaad .

Selain pelancaran logo, sesi taklimat ringkas turut disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa EKSA RAC, En Noorulazwar bin Ismail.



Secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan agensi kerajaan:

- *Memperluas pelaksanaan di agensi-agensi Kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif*
- *Meningkatkan imej korporat*
- *Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan pihak berkepentingan*
- *Menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Amalan Hijau*
- *Memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian agensi Kerajaan*

“Melalui penerapan EKSA adalah diharapkan suasana persekitaran kerja yang kondusif di pejabat kita dapat ditingkatkan selaras dengan peningkatan imej korporat RAC. Selain itu, sebagaimana yang ditekankan dalam Amalan 5S sebelum ini, aktiviti kreativiti dan inovasi akan terus disemarakkan selain membudayakan Amalan Hijau di RAC,” katanya.



EKSA RAC



SIMBOL BULATAN
Menggambarkan pemuafakatan
warga RAC dalam mewujudkan
suasana dan persekitaran
pekerja yang kondusif

SIMBOL TANGAN
Memastikan elemen
pengauditan memenuhi
keperluan kepelbagaian
agensi kerajaan

WARNA HIJAU MUDA
Menyemarakkan
kreativiti dan
inovasi warga
RAC

SIMBOL DAUN
Menggambarkan warga
RAC yang cintakan alam
sekitar

WARNA HIJAU TUA
Melambangkan semangat
warga RAC yang komited
dalam pembudayaan hijau.

SEKITAR LAWATAN AHLI PASUKAN EKSA RAC

KE IKBN DUSUNTUA





TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERSEPADU BAGI PELAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN STESEN KOMUTER BAHARU DAN KEMUDAHAN PARK & RIDE



KUALA LUMPUR, 6 Feb 2018 - Sebanyak 20 unit berupa struktur tambahan yang memasuki tanah rizab keretapi di Jalan Udang Gantung, Kepong telah dirobohkan dalam satu tindakan penguatkuasaan bersepadu yang diketuai oleh Pejabat Pengarah Tanah & Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP).

Tindakan penguatkuasaan itu terpaksa diambil memandangkan struktur tersebut telah menghalang pelaksanaan pembinaan Stesen Komuter Baharu dan kemudahan letak kenderaan *Park & Ride* yang akan dibina oleh IDP Industrial Development (IDP) Sdn Bhd.

Turut serta dalam operasi ini adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Jinjang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).

Dalam operasi tersebut, semua struktur tembok dan sebahagian struktur stor telah dirobohkan manakala pemilik stor tersebut diberi tempoh selama tiga hari untuk mengeluarkan barang-barang mereka.

Dalam hal ini, pihak IDP Sdn Bhd telah bersetuju untuk membaik-pulih struktur binaan yang terlibat dalam tindakan penguatkuasaan tersebut.

RAC SERAH LUKISAN LAMA HOTEL HERITAGE STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR KEPADA LEMBAGA PEMBANGUNAN VISUAL NEGARA

KAJANG, 17 April 2018 – Tujuh buah lukisan yang pernah menghiasi Hotel Heritage yang terletak bersebelahan Stesen Keretapi Kuala Lumpur telah diserahkan RAC kepada Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSV) bagi tujuan konservasi.



Salah satu daripada lukisan lama yang pernah menghiasi Hotel Heritage

Lukisan tanpa nama pelukis dan tarikh itu dikatakan dibuat sebelum Negara mencapai kemerdekaan dan ianya seusia dengan hotel di stesen keretapi tersebut.

Lukisan lama berukuran 12 kaki x 16 kaki itu dihasilkan menggunakan cat minyak atas bod dalam sambungan empat panel, telah ditemui salah seorang Ahli Lembaga Pengarah RAC ketika mengadakan lawatan ke hotel tersebut untuk melihat potensi hotel berkenaan dibaik pulih bagi tujuan renovasi.

Seterusnya, RAC dengan kerjasama Jabatan Warisan dan KTMB telah meminta LPSV untuk memindah dan melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan konservasi ke atas lukisan ini kerana bimbang risiko jika ia dibiarkan dan kerja-kerja renovasi yang akan dijalankan kelak.

Pada 21 Mac 2017 lukisan tersebut telah dibuka dan dipindah ke LPSV. Pihak Jabatan Warisan telah mencadangkan lukisan ini didaftar sebagai Warisan Kebangsaan jika ianya seusia dengan stesen keretapi tersebut.

Selepas itu, pada 16 Jun 2017, lukisan tersebut telah diserahkan secara rasmi kepada LPSV sempena majlis perasmian Seni Negaraku di Balai Seni Lukis Negara.

Seni Negaraku merupakan sebuah program di bawah Inisiatif Negaraku menfokuskan kepada tema semangat cintakan Malaysia sempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-60 tahun.

PELANTIKAN MBJ PEKERJA SESI 2018/2020



KAJANG, - Pelantikan Wakil Pekerja bagi Majlis Bersama Jabatan Sesi 2018/2019 telah diadakan pada 24 Januari 2018. Pelantikan ini dibuat bagi menggantikan barisan wakil pekerja sesi 2016/2017 yang telah menamatkan penggal perkhidmatan mereka. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 36 isu telah dibawa kepada MBJ Pengurusan yang bersidang setiap suku tahun. Sebanyak 27 isu telah diselesaikan.

MBJ RAC telah ditubuhkan bermula pada tahun 2012. Berikut adalah senarai nama wakil MBJ untuk sesi 2018/2019.

Pengerusi
Mohd Khairi Bin Mohd Taib
Jurutera (M) Gred J41

Setiausaha
Sharifah Zalina Binti Syed Walad
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

Ahli
Shahril Bin Mohamad Sahar
Penolong Juruukur Gred JA29

Nur Afiah Binti Mohd Marngi
Pen Peg. Undang-Undang Gred L29

Muhammad Zahid Alif Bin Abdul Aziz
Pen. Peg. Penerangan Gred S29

Saiful Azwir Bin Ali Akbar
Penolong Akauntan Gred W29

Mohammad Hafiz Zahan Bin Hasni Apandi
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29

Mohamad Roashaaree Bin Ab Rahim
Pegawai Tadbir Gred 41

Norhidayah Binti Mohd Madabighi
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

KSKPAK SERTAI BERAPIT NATURE RIDE 2018

KUALA KANGSAR, 3 Mac 2018 – Seramai kira-kira 20 ahli Kelab Kebajikan dan Sosial Perbadanan Aset Keretapi (KSKPAK) telah menyertai Berapit Nature Ride 2018 - Kayuhan Alam Berapit 2018 yang diadakan sempena Program Kelestarian Warisan Alam 2018 anjuran Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia (WASM).

Program yang diadakan di tapak stesen keretapi lama Bukit Berapit itu merupakan program yang julung kalinya diadakan dalam usaha mewartakan kawasan tersebut sebagai warisan. Selain mempunyai tapak stesen lama, terdapat tiga terowong yang mempunyai nilai sejarahnya dan keunikannya yang tersendiri.

Pada masa dahulu selain Ketua Stesen dan kakitangan lain, di tahun 60-an hingga awal 80-an terdapat sepasukan tentera wataniah di tempatkan di Stesen Keretapi Bukit Berapit. Pasukan wataniah ini ditugaskan untuk menjaga keselamatan terowong keretapi di Bukit Berapit daripada ancaman komunis.

Seramai 100 orang peserta termasuk ahli KSKPAK menyertai aktiviti berbasikal itu.

Stesen Keretapi Bukit Berapit yang dibina pada tahun 1905 tidak lagi digunakan sejak 1989



BARISAN KEPIMPINAN BAHARU KSKPAK

Pengerusi

Encik Kasim Bin Muhamad

Timb Pengerusi

Puan Sharifah Soraiya
Binti Syed Abdullah

Setiausaha

Cik Nur Syamsinar Binti Sharifuddin

Bendahari

Cik Saidatul Nadiah Binti Mohamad Yusof

Pen Setiausaha

Encik Mohd Nur Firdaus Bin Samsudin

BIRO KEBAJIKAN

Puan Nur Afiah Binti Mohd Marngi

BIRO SUKAN

Encik Shahril Bin Mohamad Sahar

BIRO SOSIAL

Encik Mohamad Roashaaree Bin Ab Rahim

BIRO PROMOSI / PENAJAAN

Encik Muhammad Zahid Alif Bin Abdul Aziz

BIRO EKONOMI

Encik Mohd Ridzuan Bin Rosman

PEMERIKSA KIRA - KIRA

Puan Muzieana Binti Mohid@Mohamad
Encik Mohamad Faizal Bin Ahmad Helme